

## SOALAN LAZIM

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2019 : PEMBERIAN PERGERAKAN GAJI TAHUNAN DIAWALKAN KEPADA PEGAWAI YANG MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN SEBELUM TARIKH PERGERAKAN GAJI

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah pegawai yang Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) pada April namun meninggal dunia pada 2 Februari 2019 layak menerima Pergerakan Gaji Tahunan (PGT) diawalkan?	Ya. Pegawai tersebut layak untuk menerima PGT diawalkan kerana pekeliling perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019, tertakluk kepada syarat-syarat yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2019 (PP Bil.8/2019).
2.	Adakah pegawai yang meninggal pada 1 Januari 2019 layak diberi PGT bagi tahun 2019?	Ya. Pegawai yang meninggal pada 1 Januari 2019 layak diberi PGT bagi tahun 2019, tertakluk kepada syarat-syarat yang diperuntukkan dalam PP Bil.8/2019 kerana pegawai masih berada dalam perkhidmatan pada tahun tersebut.
3.	Adakah pegawai yang meninggal dunia selepas menerima PGT tahunannya layak menerima lagi PGT pada tarikh kematiannya?	Tidak. Pegawai telah menerima PGT pada tahun tersebut.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
4.	<p>Sekiranya seorang pegawai perkhidmatan awam meninggal dunia dalam perkhidmatan pada 2 Mac 2019 (TPG pegawai pada 1 Julai) dan tanggungan gemulah telah menerima faedah terbitan, adakah pegawai layak menerima pelarasan gaji dan faedah terbitan tersebut?</p> <p>Siapakah yang akan membuat pelarasan ke atas gaji akhir pegawai tersebut?</p>	<p>Ya, pegawai yg meninggal dunia sebelum menerima PGT antara 1 Januari sehingga 30 September 2019, layak menerima pelarasan gaji serta faedah terbitannya yang akan diselaraskan sebagaimana yang ditetapkan dalam PP Bil.8/2019 ini.</p> <p>Ketua Jabatan perlu mengemaskini Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan Seseorang Pegawai (kew.8-pin10/96) selepas mendapat kelulusan daripada Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) dan seterusnya mengemukakan kepada JPA/KWAP bagi proses hitung semula faedah terbitan.</p>
5.	<p>Adakah PP Bil.8/2019 ini terpakai untuk pegawai <i>Contract of Service</i>?</p>	<p>Tidak. PP Bil.8/2019 ini hanya terpakai kepada pegawai lantikan tetap sahaja.</p>
6.	<p>Adakah pekeliling ini terpakai bagi pegawai lantikan tetap yang memilih opsyen skim KWSP?</p>	<p>Ya. Pekeliling ini turut terpakai kepada pegawai lantikan tetap yang memilih opsyen skim KWSP.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Adakah pegawai yang meninggal dunia sebelum TPG dan sedang mengambil Cuti Separuh Gaji atau Cuti Tanpa Gaji layak diberi PGT diawalkan?	<p>Pegawai meninggal dunia yang sedang mengambil Cuti Separuh Gaji atau Cuti Tanpa Gaji layak diberi PGT diawalkan, namun pegawai tidak layak dipertimbangkan PGT jika:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) tempoh Cuti Tanpa Gaji melebihi 180 hari dalam satu tahun kalendar kecuali bagi pegawai yang diluluskan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG);</li> <li>b) Cuti Tanpa Gaji Mengikut Pasangan Bertugas Atau Berkursus Di Dalam Atau Di Luar Negeri;</li> <li>c) Cuti Menjaga Anak; atau</li> <li>d) kombinasi mana-mana cuti di (a), (b) dan (c) di atas.</li> </ul> </li> <li>(ii) tempoh Cuti Separuh Gaji melebihi 180 hari dalam satu tahun kalendar kecuali bagi pegawai yang diluluskan: <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG);</li> <li>b) Cuti Separuh Gaji kerana menghidap penyakit tibi, kusta, barah dan penyakit seumpamanya yang diperakukan oleh Lembaga Perubatan; atau</li> <li>c) kombinasi cuti di atas.</li> </ul> </li> </ul> <p>Walau bagaimanapun, pergerakan gaji yang diberi adalah secara isyarat dan tidak lebih tiga (3) kali sepanjang perkhidmatan.</p>

<b>BIL.</b>	<b>SOALAN</b>	<b>JAWAPAN</b>
		Bagi kes pegawai yang telah diluluskan cuti melebihi 180 hari, namun meninggal sebelum atau pada hari yang ke 180, pegawai layak menerima PGT diawalkan.